



Bank Pilihan Anda

SOALAN LAZIM

PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN PEMBIAYAAN UNTUK MANGSA BENCANA KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS

Berikut bencana kebakaran paip gas yang berlaku di Putra Heights, Subang Jaya, baru-baru ini, Bank Rakyat menawarkan penangguhan bayaran ansuran bulanan bagi membantu pelanggan terjejas yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pemberian mereka.

1. Siapakah yang layak untuk memohon kemudahan ini?

Pelanggan yang terjejas akibat insiden kebakaran paip gas yang berlaku di Putra Heights baru-baru ini.

2. Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan terjejas akibat insiden kebakaran paip gas ini?

Bank menawarkan bantuan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan seperti berikut:-

Produk	Tempoh tangguhan bayaran ansuran bulanan
Pembelian Perumahan-i	
Pembelian Peribadi-i	
Pembelian Kenderaan-i	
Sewa Beli Kenderaan-i	
Pembelian Pendidikan-i	Sehingga 6 bulan.
Pajak Gadai-i	
Kad Kredit-i	
Pembelian Mikro-i	

*Tertakluk pada permohonan dan penilaian pihak Bank.

Sekiranya pelanggan masih memerlukan bantuan, pelanggan boleh menghubungi pihak Bank untuk perbincangan lanjut.



Bank Pilihan Anda

3. Apakah syarat kelayakan untuk memohon kemudahan ini?

- i. Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh atau matang.
- ii. Pelanggan yang terjejas dan terkesan atas insiden yang berlaku.

4. Apakah produk yang ditawarkan menerusi kemudahan ini?

Produk yang ditawarkan ialah:

- | | | |
|---------------------------|----------------------------|-----------------------|
| a) Pembiayaan Peribadi-i | d) Sewa Beli Kenderaan-i | g) Kad Kredit-i |
| b) Pembiayaan Perumahan-i | e) Pembiayaan Pendidikan-i | h) Pembiayaan Mikro-i |
| c) Pembiayaan Kenderaan-i | f) Pajak Gadai-i | |

5. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan yang ingin memohon bantuan ini?

Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:

- i. E-mel ke **telerakyat@bankrakyat.com.my**
(Subjek e-mel: PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN PEMBIAYAAN UNTUK MANGSA BENCANA KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS.)
- ii. Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1300 800 800**.
- iii. Mengunjungi cawangan Bank Rakyat atau Susulan Berpusat (SB) yang berdekatan.

Bagi pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat:

- i. E-mel ke **kkredit@bankrakyat.com.my**
(Subjek e-mel: PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN PEMBIAYAAN UNTUK MANGSA BENCANA KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS.)
- ii. Pusat Kad Bank Rakyat di talian **03-26936880**.
- iii. Mengunjungi Pusat Kad Bank Rakyat atau cawangan Bank Rakyat yang berdekatan.

6. Apakah dokumen yang diperlukan?

- i. Permohonan rasmi pelanggan.
- ii. Dokumen pengenalan diri.
- iii. Laporan polis atau dokumen pengesahan daripada pihak berkuasa.



Bank Pilihan Anda

7. Bilakah pelanggan boleh memohon bantuan ini?

Pelanggan boleh memohon bantuan ini mulai 3 April 2025 sehingga 30 Jun 2025.

8. Adakah bantuan ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?

Tidak.

9. Adakah akan berlaku perubahan jumlah ansuran bulanan selepas tamat tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan?

Tidak.

10. Adakah akan berlaku perubahan pada tempoh pembiayaan selepas tamat tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan?

Ya. Pertambahan bulan pembiayaan boleh melebihi bilangan bulan penangguhan bayaran ansuran yang diambil.

11. Adakah terdapat pertambahan jumlah keuntungan yang dikenakan kepada pelanggan yang memohon bantuan ini?

Jumlah keuntungan akan dikenakan berdasarkan tambahan tempoh pembiayaan. Namun, tidak melebihi harga jualan yang telah diakadkan.

12. Bagaimanakah permohonan bagi akaun pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama?

Hanya salah seorang penama bagi akaun pembiayaan bersama perlu membuat permohonan. Bank akan menghubungi penama bersama untuk mendapatkan kebenaran.

13. Bagaimanakah permohonan pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan?

Pelanggan perlu nyatakan jenis pembiayaan yang memerlukan bantuan ini ketika permohonan dibuat.



Bank Pilihan Anda

14. Bagaimanakah proses bagi pembiayaan yang dibayar melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Potongan Gaji Majikan (PGM) dan Arahan Tetap (Standing Instruction, SI)?

Bank akan membuat pemulangan bayaran bagi pembayaran ansuran pembiayaan yang telah dibuat melalui BPA, PGM dan SI semasa tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan.

15. Adakah pelanggan yang pernah menerima penangguhan bayaran ansuran bulanan sebelum ini masih layak untuk memohon bantuan ini?

Ya.

16. Berapa lama tempoh kelulusan bantuan akan diperolehi?

Selewat-lewatnya 3 hari bekerja.

17. Bilakah tarikh efektif penangguhan bayaran ansuran ini bermula?

Tarikh efektif akan bermula selepas kelulusan diperolehi, bergantung kepada tarikh bayaran ansuran semasa. Ini akan dimaklumkan bersama kelulusan tersebut.